

KUALA LUMPUR, 2 JULAI (BERNAMA)—DATUK HAJI MUSTAFA JABAR AKAN TERUS BERKHIDMAT SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA SEWAKTU SEMENTARA WAKTU.

PRESIDEN BARU UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, TELAH MEMINTA BELIAU TERUS MEMEGANG JAWATAN TERSEBUT SEHINGGA SEORANG PENGGANTI DAPAT DICARI.

DATUK MUSTAFA TELAH MENEMUI DATUK SERI DR. MAHATHIR DI PEJABATNYA DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN PAGI TADI UNTUK MENYERAHKAN SURAT PERLETAKAN JAWATANNYA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBRITA DI RUMAH UMNO DI SINI, DATUK MUSTAFA BERKATA DALAM PERTEMUAN ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMINTANYA TERUS MEMEGANG JAWATAN TERSEBUT SEHINGGA BELIAU +MENDAPAT ORANG+.

+SEBAGAI SEORANG AHLI PARTI YANG SETIA, SAYA MENERIMA SEBARANG ARAHAN DARI PUCUK PIMPINAN PARTI+, TEGASNYA. —
BERSAMBUNG 1620/MD

UMNO—MUSTAFA 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO, DATUK MUSTAFA TIDAK PULA MENYEBUT SAMADA TELAH MENERIMA ARAHAN DARI PRESIDEN BARU UNTUK MEMANGGILNYA.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERPENDAPAT MAJLIS TERTINGGI BESAR KEMUNGKINAN BERSIDANG BULAN DEPAN :AITU SELEPAS HARI RAYA PUASA.

DATUK MUSTAFA MEMBERITAHU TARIKH BAGI MENGADAKAN MAJLIS PERPISAHAN UNTUK BEKAS PRESIDEN UMNO DATUK HUSSEIN ONN JUGA BELUM DITETAPKAN LAGI.

MAJLIS ITU BAGAIMANAPUN AKAN DIADAKAN SEBAIK SAJA DATUK HUSSEIN MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PERDANA MENTERI KERANA HANYA SELEPAS ITULAH DATUK HUSSEIN AKAN HEMPUNYAI MASA LAPANG.

—BERNAMA 1623/MD